

22 APR 2002

Mahadzir-Persekolahan

PERATURAN WAJIB MASUK TAHUN SATU BERMULA TAHUN HADAPAN

MELAKA, 22 April (Bernama) -- Peraturan mewajibkan semua kanak-kanak memasuki persekolahan tahun satu dijadual dilaksanakan pada tahun hadapan setelah pindaan Akta Pendidikan 1996 diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata peruntukan akta itu bertujuan memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan yang sempurna pada peringkat sekolah rendah dan tiada alasan kepada ibu bapa untuk tidak menghantar anak-anak mereka bersekolah.

"Kementerian menerima laporan setiap tahun kira-kira tiga peratus atau lebih kurang 15,000 kanak-kanak di seluruh negara tidak memasuki tahun satu atas pelbagai alasan sedangkan kita mensasarkan tahap celik huruf seluruh negara harus meningkat ke 100 peratus," katanya kepada pemberita selepas membenteng kertas kerja pada Kolokium Pemikiran Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Beliau berkata ia bukannya untuk mendenda ibu bapa yang tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah, sebaliknya memberi kesedaran kepada mereka betapa pentingnya pendidikan anak-anak.

Katanya kebanyakan kes anak-anak tidak dihantar memasuki tahun satu ialah di Sabah dan Sarawak, dan kementerian telah memberi fokus kepada kedua-dua negeri itu untuk memastikan kanak-kanak berumur tujuh tahun memasuki tahun satu.

Mahadzir berkata kementerian juga ingin mengetahui masalah yang dihadapi oleh ibu bapa yang tidak menyekolahkan anak-anak mereka untuk terus dibantu.

"Kalau disebabkan kemiskinan, kita boleh bantu mengikut skim yang ada atau melalui agensi-agensi kerajaan yang lain. Peraturan itu juga meliputi kanak-kanak cacat, kita tidak mahu mereka dinafikan hak untuk belajar," katanya.

Beliau berkata jika dilihat kepada keciciran kanak-kanak memasuki tahun satu setiap tahun, ia akan menjadi jurang yang luas sekiranya tidak ditangani segera dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Katanya, kementerian juga sedang berusaha untuk menjalankan sistem persekolahan satu sesi pada masa akan datang manakala pengubahsuaian serta penambahan sekolah baru terus dilakukan.

"Kementerian Pendidikan turut serius pada perkhidmatan perguruan, pencapaian prestasi pelajar serta perkembangan pelajar dalam bidang teknologi maklumat (IT)," katanya.

Menurutnya, memberi pendidikan yang sempurna kepada rakyat adalah agenda utama kerajaan dan dalam setiap kali belanjawan negara peruntukan yang besar diberikan kepada bidang pendidikan.

-- BERNAMA

SBS NMO